

PERANAN & CABARAN PEGAWAI PENYIASAT MASA KINI

TPR JASMEE HAMEEZA JAAFAR
BAHAGIAN PERBICARAAN DAN RAYUAN
JABATAN PEGUAM NEGARA

PEGAWAI PENYIASAT

- Kuasa menjalankan penyiasatan
- Objektif penyiasatan
- Tugas seorang pegawai penyiasat
- Ciri-ciri seorang pegawai penyiasat
- Etika dan intergriti pegawai penyiasat

KUASA MENJALANKAN PENYIASATAN

- Perlu mengetahui darimana Pegawai Penyiasat mendapat kuasa? (Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan lain lain)
- Pegawai penyiasat(IO) dilantik oleh Jabatan/State
- IO perlu mempunyai arahan perlantikan daripada pihak atasan
- IO perlu ada bukti yang beliau dilantik sebagai IO kes yang disiasat
- IO hanya bertindak sebagai IO setelah menerima arahan perlantikan

OBJEKTIF PENYIASATAN

- Objektif penyiasatan seorang pegawai penyiasat haruslah untuk mendapatkan kebenaran.
- Siasatan perlu dilakukan terhadap aduan pengadu dan pembelaan yang dinyatakan oleh suspek ketika siasatan dijalankan
- Jika ketika menjalankan penyiasatan ada pihak yang menghalang IO menjalankan tugas, buat laporan polis!
(rasuah,ugutan, tidak membenarkan masuk dalam premis)

TUGAS SEORANG PEGAWAI PENYIASAT

- Membuka kertas siasatan
- Mengendalikan penyiasatan secara adil
- Mengendalikan penyiasatan secara saksama (tidak memihak kepada mana-mana pihak)
- Menentukan kebenaran sesuatu laporan yang dibuat
- Menentukan jenis kesalahan

-
- Mendapatkan bukti/keterangan
 - Merangka pertuduhan
 - Memastikan kes yang disiasat memerlukan sanksi atau tidak
 - Melengkapkan kertas siasatan
 - Mengemukakan Kertas siasatan kepada TPR
 - Mendaftar kes di Mahkamah jika TPR setuju pertuduhan dibuat
 - Mengenal pasti saksi-saksi
 - Membuat panggilan saksi

CIRI-CIRI SEORANG PEGAWAI PENYIASAT

- Mempunyai reputasi yang baik
- Menghormati Tuan/Puan Majistret
- Membuat persiapan yang rapi sejurus menerima arahan perlantikan sebagai IO dan membuka kertas siasatan

CABARAN MASA KINI

- Tidak mendapat tempoh reman yang cukup untuk menjalankan siasatan terhadap orang kena tuduh kerana dalam tempoh reman banyak perkara yang perlu dijalankan.
- Cabaran dari segi pengumpulan bahan bukti di lokasi kejadian iaitu perlu mendapatkan bahan bukti yang cukup berdasarkan piawaian ditetapkan bagi memastikan kes dapat didakwa di mahkamah yang adakalanya menjadi rintangan yang hebat semasa penyiasatan.

-
- Hak asasi manusia juga menjadi elemen penting bagi memastikan siasatan yang dijalankan tidak melanggar hak asasi manusia dari awal proses siasatan seperti mengambil keterangan, tangkapan sehingga peringkat seterusnya.
 - Bebanan tugas yang banyak ditanggung oleh pegawai penyiasat kadangkala menyebabkan kualiti siasatan sesuatu kes di tahap yang rendah akibat tidak dapat memberi focus sepenuhnya kepada siasatan.

-
- Pegawai penyiasat yang tidak berpengalaman, berkemampuan atau berwibawa akibat dari kekurangan latihan/kursus serta kurang pengetahuan berkaitan penyiasatan dan pendakwaan.
 - Saksi-saksi/OKS tidak memberi kerjasama semasa penyiasatan dilakukan dan saksi-saksi/OKS melibatkan warganegara asing
 - Berlaku campur tangan ahli politik/individu berstatus VIP/VVIP

-
- Apabila siasatan melibatkan saksisaksi/OKS yang mempunyai pertalian keluarga/saudara-mara dengan pegawai penyiasat.

SEKIAN TERIMA KASIH
